

Kenyataan Akhbar
Press Release


**Program ‘Asasi Back to Community’ (ABC) di Kampung
Meranek Kota Samarahan, Sarawak**

Kota Samarahan, 12 Mac 2023 – Pusat Pengajian Pra Universiti Universiti Malaysia Sarawak (PPPU UNIMAS) telah mengadakan khidmat komuniti di Kampung Meranek, Kota Samarahan. Program yang dinamakan ‘Asasi Back to Community’ (ABC) ini bertujuan memperkenalkan para pelajar Pusat Pengajian Pra Universiti UNIMAS (PPPU UNIMAS) kepada aktiviti kemasyarakatan dan memupuk sifat kesukarelawanan. Seramai 115 orang pelajar dan 6 staf akademik terlibat dan telah menjalankan program di Kampung Meranek dan sekitarnya bersama penduduk tempatan.

Para pelajar bergotong royong bersama penduduk kampung membersihkan dan mengecat surau dan masjid kampung sebagai persediaan awal menyambut bulan Ramadhan dan Syawal yang bakal tiba tidak lama lagi. Di samping tu, para pelajar juga membantu membersihkan kawasan kampung dengan mengutip sampah di sekitar dan melupuskannya di tempat yang disediakan.

Melalui penganjuran program seperti ini, para pelajar telah dapat menimba pengalaman dan berpeluang mempelajari kepelbagaian ilmu daripada penduduk kampung sesuai dengan pendekatan pembelelajaran terkini iaitu ‘*experiential learning*’. *Experiential learning* menjadi model holistik dalam proses pembelajaran di mana pelajar akan mencerap proses belajar, diadaptasi dan seterusnya dikembangkan. Proses ini mendorong siswa untuk berfikir dalam meningkatkan pengetahuan, kemahiran mencuba sesuatu yang baru dan seterusnya boleh membantu mereka membuat keputusan atau pertimbangan dengan wajar.

Pihak PPPU merakamkan penghargaan berbilang terima kasih kepada seluruh warga kampung yang terlibat dalam menyokong dan turut menjayakan program komuniti ini iaitu kepada (1) Penghulu Asi bin Arbi - Kpg Meranek; (2) KK Arshat bin Bujang - Kpg Langsat, Meranek, (3) KK Hajjis bin Hussin - Kpg Meranek Tradisi dan (4) KK Azmi bin Jolkipli-Kpg Meranek Lot dan seluruh penduduk kampung. Semoga silaturrahim yang terjalin hari ini dapat diteruskan dan berkekalan serta bermanfaat kepada kedua-dua belah pihak.



13 Mac 2023

Chancellory Division
Universiti Malaysia Sarawak
94300 Kota Samarahan
Tel +60 82 582 401
Fax +60 82 665 088
Email:www.unimas.my

U N I M A S



**Para Pelajar Asasi Pusat Pengajian Pra Universiti Universiti Malaysia Sarawak
(PPPU UNIMAS)**



Prof Madya Dr. Ruhana Hassan, Pengarah PPPU UNIMAS yang turut serta dalam menjayakan Program Asasi Back to Community



Bersama penduduk kampung membersihkan kawasan masjid sebagai persiapan menyambut bulan suci Ramadhan



Para pelajar merakamkan kenangan ketika selesai membersihkan kawasan sekitar kampung.



Bergerak ke kawasan kampung sekitar

Disediakan oleh : Pusat Pengajian Pra Universiti, UNIMAS

Disemak dan dimurnikan oleh : Dayang Nurlisa binti Abang Zainal Abidin, UNIMAS Corporate